

# Alang-alang berdakwat.....

## Bukalah matamu, Pesaka

JIKA bercerita mengenai silat, bulu roma tegak berdiri. Itu belum lagi gendang berbingkah serunai, alamatnya tari silat mengorak langkah. Namun lain pula apabila menulis pasal silat, terutama silat olahraga sekarang.

Begitupun, sesekali rasa muak nak tulis pasal silat lagi. Jika fikir soal kena ugut, kena tawar penampar, ajak bergaduh dan kena maki melalui telefon, barangkali dah lama saya tidak tulis mengenai silat.

Saya kuatkan juga semangat kerana silat olahraga tidak akan berkembang jika tiada publisiti meluas. Saya bangga juga kerana turut mempopularkan silat hingga mendapat tempat di arena sukan tanahair sekarang.

Saya mahu silat olahraga setanding atau lebih baik daripada taekwondo dan karate-do. Ini kerana jiwa saya jiwa silat, bukan taekwondo atau karate-do.

Kenapa saya berkata begitu? Baru-baru ini, saya berkesempatan membuat liputan Pesta Sukan Merdeka Brunei. Silat turut dipertandingkan. Tetapi, sayang Malaysia cuma dapat dua pingat emas walhal Thailand dapat tujuh pingat emas dan Indonesia mengutip lima emas.

Di mana silapnya? **B. Harian (M)**

Selain itu, ada pegawai Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) menelefon mengatakan laporan saya berat sebelah. Berat sebelah...?

Kata pegawai itu, ada pegawai skuad silat termasuk wasit yang dihantar ke Brunei memberitahunya bahawa saya sengaja memburukkan silat. Mereka dakwa bukan pesilat yang lemah tetapi mutu pengadilan punca kekalahan pesilat kebangsaan.

**27 MAR 1990**  
Saya mempertahankan kebenaran tulisan saya. Saya menulis bukan ikut sedap rasa tetapi hasil penelitian, fikiran dan kajian terperinci. Tiada tujuan lain analisis saya kecuali demi kebaikan silat.

Di sini saya tetap kata skuad silat perlu dipersalahkan, terutama Pesaka. Biar pun ada orang tidak senang tetapi itu kenyataan yang perlu ditelan oleh Pesaka.

Jika mutu perwasitan dipersalahkan dan didakwa memihak kepada tuan rumah. Saya mahu bertanya, berapa pingat emas yang Brunei perolehi? Cuma satu. Kenapa tujuh pingat emas memihak kepada Thailand dan lima lagi Indonesia?

Sekiranya ada wasit Malaysia dihantar ke Brunei tidak puas hati dengan mutu perwasitan, kenapa tidak tarik diri atau bantah? Ini bermakna wasit kita juga tidak jujur pada diri sendiri.

Hakikat wasit dan juri tidak jujur nyata berlaku pada Kejuaraan Silat Kebangsaan, bulan lalu. Akhirnya, kita terpilih pesilat yang bukan benar-benar jaguh dan buktinya, ramai kecundang pada pusingan awal di Brunei.

Apakah Pesaka akan terus menyenaraikan jaguh yang sama ke Kejuaraan Sedunia di Belanda, Ogos depan? Jika benar,

jangankan pingat emas boleh dibawa pulang, hidu baupun mungkin sukar.

Malaysia ramai pesilat berwibawa tetapi Pesaka tidak ada panel pemilihan yang khusus. Sikap fanatik bergantung kepada juara kebangsaan sebagai wakil negara patut dikikis kerana kerana ada pesilat lebih baik tetapi kecundang lebih awal berikutan pelbagai masalah termasuk kecederaan atau penipuan di segi mata kemenangan.

Matlamat saya mahu melihat silat olahraga maju setaraf sukan lain, mampu menguasai dunia dan bukan semata-mata memburuk-burukkan silat. Saya bukan setakat menulis mengenai silat tetapi taekwondo juga.

Ada juga yang pedas mengenai taekwondo saya tulis tetapi mereka tidak pernah mendakwa saya berat sebelah dan ugut dengan penampar.

Selagi ada pegawai Pesaka suka mendabik dada 'aku orang silat, aku lebih tahu, jangan buat silap nanti aku tampar', silat tidak akan ke mana. Saya menulis bukan ikut rasa, jika ada yang melenting saya tak tahu. Cuma saya ingat pepatah lama: 'Siapa makan lada, dia rasa pedas'.

Tidak salah saya katakan pentadbiran Pesaka masih lemah berbanding pertubuhan seni mempertahankan diri lain. Kita masing-masing mengaku pandai, tidak mahu menerima teguran. Seandainya dicuit sedikit, ramai yang melenting, konon aku orang silat.

Jika benar-benar berpegang pada prinsip silat, orang silat tidak mudah melenting. Orang silat adalah orang paling kuat sabar. Orang silat tidak pernah mendabik dada 'aku orang kuat'. Orang silat juga bukan kaki pukul. Orang silat perlu ingat, jika menjual terlalu murah, ada orang sedia memborong.

Sepatutnya soal ini, Pesaka perlu bersikap terbuka. Jika mahu silat olahraga